

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PPA UUM COB
Sent: Sunday, 4 December, 2016 2:16 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik; Dr. Mohamad Helmi bin Hidthiir; Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah bt. Othman
Subject: MAJLIS ANUGERAH DAN PENGHARGAAN KELAB DAN PERSATUAN UUM COB 2016



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**
STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS
Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

04 DISEMBER 2016 / 04 RABIULAWWAL 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera



UUM PPA COB – Persatuan Perakaunan atau lebih dikenali dengan nama singkatan NOVAC telah diangkat sebagai Kelab/Persatuan Pelajar Terbaik untuk sesi 2015/ 2016 dalam majlis Anugerah dan Penghargaan Kelab dan Persatuan UUM COB yang berlangsung pada tanggal 2 Disember 2016 bertempat di dewan Sri Angsana , EDC Hotels & Resort.

Majlis tahunan yang dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Perniagaan (PPA UUM COB) ini telah berlangsung dengan penuh warna warni, bagi menghargai jasa dan pencapaian ahli-ahli kelab dan persatuan di bawah naungan UUM COB.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk meraikan 150 ahli majlis tertinggi kelab dan persatuan daripada 15 kelab dan persatuan yang selama ini bertungkus lumus mencurahkan idea dan keringat dalam melaksanakan projek dan program dibawa persatuan masing-masing sepanjang tahun 2016.

Dalam ucapan perasmian, Dr. Hendrik Bin Lamsali sempat meluahkan rasa bangga serta puas hati terhadap pencapaian kelab dan persatuan di bawah UUM COB. Beliau juga berharap agar lebih banyak projek dan program berimpak tinggi akan dapat dihasilkan pada tahun-tahun berikutnya.

Turut diraikan Mantan Majlis Perwakilan Pelajar UUM COB serta pelajar-pelajar UUM COB yang telah menerima pelbagai pengiktirafan diperingkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Majlis ini juga telah dimeriahkan dengan kehadiran Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) Prof. Dr. Shahimi Mokhtar, Encik Mohd Nizam Morad, Pengurusan Urusan Magna Hartamas Sdn Bhd yang merupakan Alumni UUM, wakil-wakil Dekan dari pusat pengajian COB dan Penasihat Kelab dan Persatuan serta Wakil Majlis Perwakilan Pelajar UUM COB.

Sebanyak 10 kategori telah dipertandingkan dan senarai pemenang dalam Majlis Anugerah dan Penghargaan Kelab dan Persatuan UUM COB 2016 adalah seperti berikut.

BIL	ANUGERAH	NAMA/KELAB/PERSATUAN	PROGRAM
1.	Anugerah Badan Pelajar Terbaik	Persatuan Perakaunan (NOVAC)	
2	Anugeran Kepimpinan Terbaik (Mahasiswa)	Sahrul b. Robani Kelab Pengurusan Sumber Manusia (HRMC)	
3	Anugerah Kepimpinan Terbaik (Mahasiswi)	Lim Cheh Er	

		Kelab Logistik dan Pengangkutan (LOGTRANS)	
4	Anugerah Kepimpinan Harapan (Mahasiswa)	Dinesh A/L V. M. Ramachandran Kelab Kewangan dan Perbankan (FABS)	
5.	Anugerah Kepimpinan Harapan (Mahasiswi)	Che Siti Husnabillah bt. Inche Khrizaman Kelab Islamic Finance and Banking (IFBA)	
6.	Anugerah Program Terbaik (Komuniti & Kesukarelawan)	HRMC	HR Community Engagement
7	Anugerah Program Terbaik (Kepimpinan)	Persatuan Pelajar Ekonomi (ECOSA)	Delegasi UUM ke USM
8	Anugerah Program Terbaik (Insaniah)	MY AGROSIS	Community Care : Perojek Ladang Agkat MY Agrosis
9	Anugerah Program Terbaik (Akademik)	Persatuan Perakaunan (NOVAC)	National Accounting Youth Camp (NAYC) 2016
10	Anugerah Program Terbaik (Sahsia)	Persatuan Pengurusan Operasi (POM)	Safety Talk For Women

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
☎ 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.